

20 MAY 1999

Pahang-MB

ADNAN UCAP TERIMA KASIH DILANTIK SEBAGAI MB BARU PAHANG

KUANTAN, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Adnan Yaakob yang dilantik sebagai Menteri Besar Pahang menggantikan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas pelantikan itu.

"Berdasarkan kepada pengumuman yang dibuat oleh perdana menteri sebentar tadi, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan yang diberi dan tanggungjawab ini amat berat dipikul," katanya kepada pemberita pada persidangan akhbar di Wisma Sri Pahang di sini.

Insya Allah saya akan cuba menjalankan tugas yang diberi dengan sebaik-baik mungkin dan usaha-usaha yang lain akan dijalankan selepas ini, katanya.

Adnan berkata kedudukan ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri sama ada dikekalkan atau digantikan hanya akan diumumkan selepas beliau mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar di hadapan Sultan Pahang di Istana Abu Bakar, Pekan, Selasa depan.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Ariffin turut mengucapkan tahniah kepada Datuk Adnan atas perlantikan beliau sebagai Menteri Besar yang baru.

"Selaku anggota parti, kita kena akur dengan keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan kerana jawatan dalam kerajaan ditentukan oleh ketua parti iaitu Perdana Menteri," kata Hasan.

Kita kena beri peluang kepada Adnan untuk membentuk kerajaan negeri bagi meneruskan usaha-usaha mentadbir negeri, katanya.

Adnan, 49, dilahirkan pada 18 April 1950 di Bentong, Pahang.

Setelah menamatkan pengajian peringkat ijazah pertama di Universiti Malaya pada tahun 1975 beliau memperolehi diploma Pendidikan daripada universiti yang sama dua tahun kemudian sebelum mengambil kursus dalam bidang undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 1984 dan 1985.

Sebelum menceburi bidang politik, Adnan pernah bertugas sebagai guru Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Agama Pelangai, Bentong dan seterusnya berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru) di Sekolah Menengah Sulaiman, Bentong.

Dalam politik, Adnan pernah menjadi Ketua Pemuda Bahagian Bentong antara tahun 1982 dan 1987 sebelum menjawat jawatan Ketua Umno Bahagian Bentong sejak 1987 hingga sekarang.

Adnan menjadi anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Pelangai sejak tiga penggal lepas iaitu selepas pilihan raya umum tahun 1986.

Beliau dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri antara 1990 dan 1995 dan pada 1995 menjawat portfolio Agama Islam dan Pendidikan Negeri.

Adnan yang berumah tangga dengan Datin Junaini Kassim dikurniai dua anak lelaki dan dua anak perempuan.

-- BERNAMA

SHS LAT